


UMS
tuan
rumah
Daily Express
program
3/11/96
Outreach

KOTA KINABALU, Sabtu - Universiti Malaysia Sabah (UMS) dipilih sebagai tuan rumah kepada program "Outreach"/ Sepencapai Sains dan Teknologi Bagi Pelajar Sekolah Menengah Untuk Tujuan Kemasukan ke Universiti, yang akan diadakan pada 5 November ini bertempat di kampus universiti tersebut di Tuaran.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, program itu, yang dilaksanakan secara bergilir antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini, diadakan dengan objektif menggerak dan memberikan kesedaran kepada para pesertanya, khasnya pelajar Bumiputera dari luar bandar mengenai keperluan serta kepentingan sains dan teknologi untuk tujuan kemasukan ke IPT.

Ita juga bertujuan untuk mencapai sasaran nisbah 40:60 pelajar sains dengan pelajar sastera di IPT.

Di samping itu, para pesertanya juga akan didedahkan kepada program-program yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan juga peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPT Awam.

Menurut kenyataan tersebut, program selama sehari itu terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah, guru-guru, dan pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah, dengan meletakkan pelajar Bumiputera sebagai sasaran utama.

Program itu dianjurkan bersama Jabatan Pendidikan Tinggi, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Institusi Pendidikan Tinggi, Pusat Matrikulasi/Asasi dan badan penaja iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam serta MARA.

Sehubungan itu, orang ramai, terutama sekali ibu bapa dan pelajar sekolah menengah adalah digalakkan untuk menyertai program tersebut.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH